

Artikel

Pengekalan Status Quo BN Dalam PRK DUN Mahkota, Johor
(*Maintaining the BN Status Quo in the By-election of State Legislative Assembly Area of Mahkota, Johor*)

Junaidi Awang Besar*

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (SEEDS). Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden jab@ukm.edu.my

Diserah: 21 September 2024

Diterima: 21 November 2024

Abstrak: Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15, 2023 memperlihatkan berlakunya 10 Pilihan Raya Kecil (PRK) dan yang terakhir adalah PRK DUN Mahkota yang diadakan pada 28 September 2024. PRK DUN Mahkota ini ditandingi BN buat kali keempat selepas menyertai PRK Parlimen Kemaman, DUN Pelangai dan DUN Nenggiri. PRK ini penting bagi menaikkan semangat jentera pilihan raya BN terutamanya UMNO dan memulihkan sokongan pengundi kepada BN/UMNO. DUN Mahkota diadakan PRK berikutan kematian penyandangannya. Kawasan ini yang terletak dalam Parlimen Kluang, Johor merupakan kubu kuat BN kerana BN memenangi empat kali dan hanya tewas sekali. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis pengekalan status quo BN dalam PRK DUN Mahkota. Penulisan artikel ini adalah berdasarkan pemerhatian di lapangan, data keputusan PRK DUN Mahkota mengikut kawasan Daerah Mengundi dan rujukan sumber sekunder yang dianalisis berdasarkan pemikiran penulis. Hasil kajian menunjukkan BN/UMNO berjaya mengekalkan kemenangan kerusi DUN ini dengan majoriti undi yang meningkat lebih besar berbanding PRN 2022. BN/UMNO menang di kesemua pusat atau Daerah Mengundi majoriti kaum Melayu, majoriti kaum Cina dan kawasan campuran termasuk undi pos dan undi awal. Terdapat tujuh faktor kemenangan BN/UMNO dalam PRK ini iaitu antaranya politik nilai, identifikasi parti, politik pembangunan, kepimpinan dan visi Menteri Besar Johor, kredibiliti calon BN/UMNO, kemantapan jentera kempen BN+PH dan kelemahan PN. Justeru, PRK ini dapat dijadikan pendorong atau semangat kepada BN dan PH untuk terus berkhidmat kepada pengundi sebaik mungkin secara konsisten dan berterusan menuju PRU akan datang.

Kata kunci: Pilihan Raya Umum; Pilihan Raya Kecil; jentera pilihan raya; sokongan pengundi; faktor kemenangan.

Abstract: After the 15th General Election (PRU), 2023, there will be 10 By-Elections and the last one is the area of Mahkota State Assembly Election held on September 28, 2024. This area of Mahkota State Assembly Election will be contested by BN for the fourth time after participating in By-Election in Parliamentary area of Kemaman, State Legislative Assembly area of Pelangai and Nenggiri. This by-election is important to raise the morale of the BN election machinery, especially UMNO, and restore voter support to BN/UMNO. DUN Mahkota held a by-election following the death of its incumbent. This area which is located in Kluang Parliament, Johor is a BN stronghold because BN won four times and only lost once. Therefore, it is the purpose of writing this article to analyze the maintenance of BN's status quo in the Mahkota DUN by-election. The writing of this article is based on observations in the field, data on the results of the area of Mahkota State Legislative Assembly by-election by Voting District area and references to secondary sources that are analyzed based on the author's thoughts. The results of the study show that BN/UMNO managed to maintain

the victory of this state assembly seat with a greater majority of votes compared to 2022 State Election. BN/UMNO won in all centers or districts where the majority of the Malays voted, the majority of the Chinese and mixed areas including postal votes and early votes. There are seven factors for BN/UMNO's victory in this by-election, which include value politics, party identification, development politics, the leadership and vision of the Johor Chief Minister, the credibility of BN/UMNO candidates, the robustness of the BN+PH campaign machinery and the weaknesses of PN. Thus, this by-election can be used as an incentive or motivation for BN and PH to continue to serve the voters as best as possible consistently and continuously towards the next GE.

Keywords: General Elections; By-Elections; election machinery; voter support; winning factors

Pengenalan

Status quo bermaksud pengekalan keadaan sedia ada berdasarkan kelestarian sosioekonomi dan sosiopolitik semasa. Geografi keruangan merujuk kepada persekitaran ruang dalam mempengaruhi sesuatu aspek fizikal dan kemanusiaan. Geografi keruangan boleh mempengaruhi pola sesuatu pengundian dari segi kedudukan bandar-luar bandar, geografi fizikal, geografi perumahan dan geografi etnik. Pilihan raya adalah pemilihan umum terhadap individu bagi sesuatu jawatan dan pemilihan tersebut dilakukan melalui undi sesebuah perkumpulan (Rahman, 1994). Pilihan raya juga merupakan satu kitaran, proses dan peristiwa kebangsaan yang matlamat untuk mencari resolusi damai terhadap perbezaan masyarakat sambil membina kepercayaan rakyat terhadap kapasiti keputusan kolektif dan institusi untuk memerintah (Cyllah, 2014).

Geografi pilihan raya adalah satu bidang kajian mengenai kepelbagaian perspektif geografi seperti ruang, persempadanan, demografi, kemajuan dan impak ekonomi kepada pola politik ruangan. Tujahan utama dalam penyelidikan geografi pilihan raya adalah perkaitan proses politik dalam ruang geografi (Ghazali, 2009). Pilihan Raya Kecil (PRK) merupakan satu pilihan raya yang penting untuk sentimen politik semasa secara lokaliti/setempat di kawasan kajian dan juga dapat menentukan arah pola sokongan pengundi pada Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang. PRK ini juga dapat dijadikan penanda aras kepada prestasi kerajaan semasa di peringkat negeri dan persekutuan namun tidaklah boleh menggambarkan keseluruhan politik nasional/negara kerana senario dan budaya serta sentimen politik di 222 kawasan Parlimen dan 600 kawasan DUN tidaklah sama senarionya. Justeru, keputusan dan pola pengundian di enam kawasan yang terlibat dengan PRK ini tidak boleh dijadikan indikator utama kepada senario politik nasional kerana politik pilihan raya kini sangat bersifat dinamik dan sukar diramal dengan tepat di samping perancangan dan permainan politik pemimpin politik yang sangat rahsia, rapi dan tersusun yang membolehkan terjadinya peristiwa politik yang sangat di luar jangkauan semua pihak.

DUN (N29) Mahkota merupakan satu kawasan yang terletak dalam Bandar Kluang, Johor dan juga perkampungan tradisi Melayu moden serta taman-taman perumahan. Kawasan ini dihuni oleh majoriti tipis kaum Melayu iaitu 54 peratus, 35 peratus Cina dan selebihnya India serta lain-lain. Kawasan DUN Mahkota mempunyai 66,318 pemilih terdiri daripada 61,397 pengundi biasa; 4,410 anggota tentera dan pasangan, 401 anggota polis serta 10 orang pengundi tidak hadir (PTH) luar negara. Secara tradisinya, kawasan ini pernah dikuasai oleh BN/UMNO dan PN/AMANAH. Namun kawasan ini boleh dikatakan pernah menjadi kubu kuat BN kerana BN pernah menang selama 4 penggal manakala kemudiannya PH/AMANAH 1 penggal. Pada PRN 2022, BN/UMNO berjaya menawan semula kerusi yang mereka tewas pada PRU 2018 melalui Datuk Sharifah Azizah Syed Zain yang menang dengan majoriti 5,166 undi. PRK DUN Mahkota diadakan susulan kematian penyandanginya, Datuk Sharifah Azizah Syed Zain, 64, meninggal dunia pada 2 Ogos 2024. Sharifah Azizah sebelum itu dimasukkan ke Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang selepas mengalami pendarahan dalaman. Selain itu, beliau pernah dilaporkan mendapatkan rawatan di hospital pada Mac 2024, berikutan masalah kesihatan yang dihadapinya. Penamaan calon dan pengundian awal PRK DUN Mahkota masing-masing pada 14 dan 24 September 2024, manakala hari pengundian pula 28 September 2024. Pada PRK 2024 di DUN Mahkota yang agak menarik dan luar biasa, calon BN/UMNO iaitu Syed Hussien Syed Abdullah yang memperoleh 27,995 undi berjaya mengekalkan penguasaan BN/UMNO di kawasan tersebut seterusnya menewaskan calon PN/BERSATU iaitu Mohamad Haizan Jaafar (7,347 undi) dengan majoriti 20,648 undi.

Oleh yang demikian adalah menjadi objektif penulisan makalah ini untuk menganalisis pengekal status quo dalam PRK DUN Mahkota, Johor.

Sorotan Literatur

1. Identifikasi Parti

Identifikasi parti bermaksud perasaan pertalian jangka panjang yang wujud dalam diri pengundi kepada sesuatu parti politik. Dalam konteks penulisan artikel ini, identifikasi parti merujuk kepada pengekal calon daripada BN/UMNO sebagai calon Kerajaan PH+BN kerana status BN/UMNO sebagai penyandang pada PRN 2022. Status quo dalam konteks artikel ini juga merujuk kepada pengukuhan kemenangan BN/UMNO di kawasan DUN Mahkota, Kluang, Johor. Seseorang boleh diidentifikasi sebagai mempunyai pengenalan kepada sesuatu parti politik apabila individu tersebut mendaftar sebagai ahli parti politik tersebut, mempamerkan kecenderungan yang padu untuk menyokong parti politik itu dalam kebanyakan pilihan raya, bersetuju dengan dasar parti politik tersebut dan mempunyai penghayatan pengenalan terhadap parti politik tersebut (Harrop & Miller, 1987). Identifikasi parti dalam penulisan artikel ini dapat dikaitkan dengan pengekal penguasaan BN/UMNO dalam PRK yang diadakan berbanding pilihan raya sebelumnya. Perasaan identifikasi parti ini pada mulanya diwarisi dari keluarga yang mana ahli keluarga itu yang mempengaruhi pemilihan fahaman politik terhadap ahli keluarganya. Apabila dewasa, anak-anak ini akan menyesuaikan diri dalam situasi politik semasa malahan ada juga yang masih tetap setia dengan parti politik yang menjadi pilihan ahli keluarga. Namun begitu, terdapat juga yang berubah fahaman politiknya apabila menginjak dewasa disebabkan faktor-faktor hal ehwal politik semasa dan juga pengaruh dari unsur-unsur luar. Justeru, identifikasi politik seseorang itu tidak semestinya bersifat tetap sentiasa. Malahan ada juga sesetengah individu ini mampu mengubah identifikasi parti politiknya di saat-saat akhir sebelum membuang undi.

Teori ini mula terkenal pada tahun 1950an yang menjelaskan mengenai perasaan taat setia yang berterusan terhadap sesuatu parti politik. Teori ini diperkenalkan oleh kumpulan penyelidik psikologi sosial dari Universiti Michigan, Amerika Syarikat yang diketuai Agus Campbell dan rakan-rakan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengundi seluruh Amerika pada ketika itu kurang sensitif mengenai politik dan memilih parti politik yang tidak dapat memenuhi kehendak mereka (Campbell et al., 1954). Selain itu, teori ini menghuraikan tentang sifat individu yang mengidentifikasikan diri dengan berkecenderungan kepada sesuatu parti politik secara berterusan.

Ahli akademik menghujahkan terdapat dua faktor utama individu memilih parti politik iaitu kekeluargaan dan pengalaman. Kekeluargaan dikaitkan dengan kecenderungan tentang sesuatu parti parti yang disokong berdasarkan persepsi atau pengalaman oleh ahli keluarga. Secara tidak langsung menyebabkan satu asimilasi kefahaman terhadap individu tersebut tanpa pertolongan perolehan informasi luar. Pengalaman pula membuktikan bahawa individu diberi kesan oleh perkara luar selain dari keluarga. Ghazali (1999) menghasilkan generalisasi bahawa, muncul masyarakat Malaysia yang patuh dan beridentifikasi terhadap parti politik pilihan sendiri. Kekerapan pengundi menyokong parti politik secara konsisten ketika pilihan raya adalah kuat. Teori ini turut diperkukuhkan lagi oleh Kasim dan Ahmad (2002) iaitu mereka menyatakan bahawa Malaysia masih lagi dianggap relevan apabila dikaitkan dengan identifikasi parti yang melibatkan bangsa.

Metodologi


Bagi metod kajian, garapan makalah ini menggunakan pendekatan penghuraian data kualitatif daripada sumber primer iaitu pemerhatian di lapangan. Sumber sekunder pula melibatkan rujukan makalah jurnal, buku ilmiah dan makalah seminar bersandarkan bidang politik pilihan raya yang seterusnya dianalisis melalui trend pengundian. Maklumat sekunder digunakan untuk mengukuhkan lagi makalah ini dalam konteks akademik. Maklumat sekunder adalah maklumat berbentuk kualitatif melibatkan pengumpulan data yang telah dicatatkan dengan sempurna dalam bentuk rakaman bertulis.

Dalam kajian ini, pengumpulan data sekunder didapati dengan melakukan kajian kepustakaan. Segala ulasan literatur dan data daripada sumber kedua iaitu buku ilmiah, makalah jurnal serta bahan seminar dapat menolong pengkaji untuk memperoleh gambaran yang berkenaan dengan sesuatu penyelidikan. Di samping

itu, pengkaji juga memperoleh maklumat daripada media elektronik seperti melayari laman sesawang/internet bagi memperoleh maklumat tambahan melalui atas talian seperti e-akhbar, laman web dan portal. Analisis data pula melibatkan gaulan antara maklumat kualitatif berdasarkan pemerhatian di lapangan, data kuantitatif iaitu data *scoresheet* keputusan PRK DUN Mahkota serta analisis maklumat sekunder dibuat bagi bahan bercetak dan daripada internet.

2. Geografi Pilihan Raya DUN Mahkota, Johor

Dari segi geografinya, DUN Mahkota terletak di tengah Negeri Johor dan di sebelah utara Johor Bharu. Ia terletak kira-kira 105 km dari Johor Bharu. DUN Mahkota berkeluasan 2,301 km persegi dan mempunyai 18 kawasan Daerah Mengundi (Lihat Rajah 1). DUN Mahkota merangkumi 7 kampung tradisional Melayu, 8 kawasan taman perumahan moden dan 3 kawasan bandar. Jumlah pemilih di kawasan ini ialah 66,318 pemilih terdiri daripada 61,397 pengundi biasa; 4,410 anggota tentera dan pasangan, 401 anggota polis serta 10 orang pengundi tidak hadir (PTH) luar negara. Kawasan ini dihuni oleh majoriti tipis kaum Melayu iaitu 54 peratus, 35 peratus Cina dan 8 peratus India serta selebihnya iaitu 3 peratus ialah lain-lain.



Rajah 1. Peta persempadanan bahagian pilihan raya DUN Mahkota, Johor mengikut Daerah Mengundi
Sumber: Diubahsuai daripada SPR (2024)

Hasil Kajian dan Perbincangan

1. Sejarah Politik Pilihan Raya di DUN Mahkota

Kalau ditinjau dari aspek perkembangan politik di kawasan ini, DUN Mahkota diwujudkan pada PRU 2004. Pilihan raya umum 2004, 2008, 2013 dan 2022, kawasan ini dimenangi calon BN/UMNO dengan masing-masing majoriti 14,938 undi, 8,480 undi, 1,108 undi dan 5,166 undi. Kemudian PRU 2018 pula berjaya ditawan PH/AMANAH dengan majoriti 1,668 undi. Pada PRK 2024, BN/UMNO berjaya mengekalkan penguasaan kerusi ini dengan majoriti yang lebih besar iaitu 20,648 undi. Jumlah undi ditolak adalah 339 undi dan peratusan keluar mengundi adalah 53.84 peratus (SPR 2004-2024).

2. Calon yang Bertanding dalam PRK DUN Mahkota

Calon BN-UMNO iaitu Syed Hussien Syed Abdullah (40 tahun), lahir di sebuah perkampungan di pinggir Bandar Kluang. Beliau pernah bersekolah di SJKC Chong Eng, Kluang; SK Jalan Mengkibol, Kluang; dan Sekolah Menengah Teknik Segamat. Beliau berkelulusan Diploma Profesional dalam Perniagaan dan Pentadbiran dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) SPACE. Dalam politik, beliau pernah menjawat jawatan Ketua Pemuda UMNO Cawangan Kampung Palembang Lama; AJK Pemuda UMNO Bahagian Kluang; Ketua Penerangan Pemuda Bahagian Kluang; Naib Ketua Penerangan Pemuda UMNO Negeri Johor; Ketua Pemuda UMNO Bahagian Kluang; dan Ketua Penerangan Pemuda UMNO Negeri Johor. Beliau sudah berkahwin dan merupakan apa kepada dua orang cahaya mata. Dalam NGO, beliau merupakan Presiden Pertubuhan Dua Roda Kluang; Penasihat GPMS; Pemangku Yang Dipertua PESAKA Kluang; dan Penggerak Sosial Parlimen Kluang. Dari segi kerjaya, beliau merupakan ahli Majlis Perbandaran Kluang (Zon Sri Impian) dan Pengarah Syarikat Perniagaan Kembar Kubah.

Calon PN-BERSATU ialah Mohamad Haizan Jaafar, 61 tahun. Beliau merupakan Bekas pemain Bola Sepak Johor. Beliau juga pernah menyanggah jersi Johor, dalam Piala Presiden Johor, Piala Razak Johor dan Piala Emas Raja Johor. Beliau adalah Ahli Jawatankuasa Bersatu Bahagian Kluang. Mohammad Haizan yang juga anak jati Kluang dan menetap di Taman Sri Kluang di sini merupakan anak kelima daripada 12 beradik. Mohamad Haizan yang kebiasaannya digelar 'Coach Haizan' berasal daripada Layang-Layang, Renggam, lulusan Diploma Kecergasan dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau sangat dikenali dalam kalangan penduduk di Kluang dan pernah memperoleh Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam pada 2002 dan 2016 ketika bekerja sebagai pembantu sukan.

3. Isu dalam Pilihan Raya Kecil DUN Mahkota

Berdasarkan pemerhatian di lapangan dan media sosial seperti Tik Tok, You Tube dan Facebook, antara isu yang dimainkan dalam kempen PRK DUN Mahkota adalah isu pertikaian sijil halal wajib diambil oleh semua peniaga; isu serangan Ketua Pemuda Umno Dr Akmal Saleh terhadap Ahli Parlimen Seputeh Teresa Kok berhubung isu pensijilan halal; isu UMDAP; isu kenaikan harga barang; isu peniaga di terminal bas Kluang; isu banjir; isu komunikasi calon PN yang lemah dalam menjawab soalan wartawan; isu status kerjasama antara BN dan PH dalam Kerajaan Johor; isu boikot jentera PAS terhadap calon BERSATU di DUN Mahkota; isu perpecahan jentera sayap UMNO (wanita dan puteri) akibat tidak dicalonkan dalam PRK; isu Pengerusi PN/Presiden BERSATU iaitu Tan Sri Muhyiddin Yasin tersasul dalam ceramah dengan menyebut dana/kewangan masuk dalam akaun parti; isu kebimbangan fahaman komunisme akan menular di kalangan ahli UMNO selepas ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO iaitu Mohd Puad Zarkashi yang membawa pemimpin parti itu ke China untuk lawatan sambil belajar; isu pengundi kaum Cina mungkin tidak akan pulang mengundi pada hari PRK DUN Mahkota kerana hari pengundian jatuh seminggu selepas Pesta Pertengahan Musim Luruh atau Perayaan Kuih Bulan yang boleh menyumbang kepada peratusan pengundi Cina yang rendah; isu penyebaran surat layang yang menghasut pengundi Cina supaya jangan mengundi calon Barisan Nasional (BN); dan isu calon BN dikaitkan dengan kes jenayah namun dinafikan Ketua Polis Johor.

4. Keputusan Pilihan Raya Kecil DUN Mahkota

Calon BN/UMNO iaitu Syed Hussien Syed Abdullah berjaya mengekalkan penguasaan BN/UMNO di DUN Mahkota dengan menewaskan Calon PN/BERSATU iaitu Mohamad Haizan Jaafar. Syed Hussien, secara rasmi menang dengan memperoleh 27,995 undi menewaskan pencabarnya daripada PN/BERSATU iaitu Mohamad Haizan yang meraih 7,347 undi. Syed Hussien menang dengan majoriti 20,648 undi. Peratusan keluar mengundi yang dicatatkan sehingga pusat pengundian ditutup jam 6 petang merekodkan 53.84 peratus dan 339 kertas undi ditolak. Jika dilihat kepada perbandingan antara PRN 2022 dengan PRK 2024, jumlah pemilih pada PRN 2022 ialah 65,074 orang pemilih berbanding PRK 2024 dengan 66,318 orang pemilih; jumlah majoriti undi yang dimenangi BN pada PRN 2022 ialah 5,166 undi berbanding PRK 2024 dengan 20,648 undi; jumlah peratusan keluar mengundi pada PRN 2022 ialah 57.34 peratus berbanding PRK 2024 dengan 53.84 peratus; undi rosak pada PRN 2022 ialah 805 undi berbanding PRK 2024 dengan 339 undi; undi yang tidak dikembalikan pada PRN 2022 ialah 286 undi berbanding PRK 2024 dengan 24 undi; undi kepada BN pada PRN 2022 ialah 16,611 undi, PRU 2022 dengan 14,834 undi dan PRK 2024 dengan 27,995 undi;

dan undi kepada PN pada PRN 2022 iaitu 7,614 undi, PRU 2022 dengan 14,794 undi dan PRK 2024 kepada 7,347 undi.

5. Faktor dan Pola Sokongan Pengundi

Terdapat beberapa sebab atau faktor yang memangkin kemenangan BN/UMNO dalam PRK DUN Mahkota, Johor. Faktor pertama adalah politik nilai iaitu perpaduan, kestabilan dan keharmonian. Hasil daripada keputusan PRK DUN Mahkota yang menyumbang kepada kemenangan besar BN/UMNO menunjukkan bahawa majoriti pengundi sama ada daripada kaum Melayu, Cina dan India bahkan pengundi tua dan muda serta di bandar dan luar bandar di kawasan tersebut mengutamakan perpaduan antara kaum. Ini terbukti apabila BN/UMNO menang di kesemua 121 saluran mengundi dalam kesemua 20 kawasan Daerah Mengundi di DUN Mahkota. Mereka selesa hidup dalam keadaan mesra dan muhibbah antara kaum dan agama meskipun berbeza budaya dan kepercayaan. Negeri Johor terkenal dengan 'Bangsa Johor' yang hidup dan beradaptasi antara kaum dan agama dengan tahap toleransi serta memahami yang tinggi. Pengundi di DUN Mahkota juga mengutamakan kestabilan sosial dan politik. Mereka boleh berinteraksi dengan baik meskipun berbeza kaum dan agama. Mereka menolak pergaduhan, perselisihan, adu domba, fitnah, menghina dan ketidakadilan sesama mereka.

Selain itu, pengundi di kawasan Mahkota mementingkan keharmonian iaitu persamaan, seiya dan sekata dalam berfikir dan memberikan pandangan serta memahami perbezaan dengan rasional dan waras. Keharmonian dan ketenangan dalam hidup bermasyarakat dan berbilang kaum akan menghasilkan kehidupan yang sejahtera dan berjaya dalam segala lapangan hidup sama ada sosial, ekonomi dan politik. Pengundi di DUN Mahkota juga dilihat sudah dapat menerima konsep Kerajaan Perpaduan antara BN dan PH yang diketuai Dato' Seri Anwar Ibrahim (PMX) di Putrajaya dan usaha pemulihan ekonomi dan kestabilan politik oleh barisan kabinet beliau kerana pengundi PH terutamanya pengundi Cina sudah memahami dan dapat menerima perkongsian kuasa antara PH dan BN. Perkembangan ekonomi acuan Malaysia Madani semakin membuka mata semua segmen pengundi sama ada dari segi kaum, umur, kelas ekonomi dan jantina. Mereka merasai kesan pentadbiran kerajaan selama dua tahun ini. Mereka semakin kritis dalam mencerap perkembangan semasa dalam membuat pilihan. Faktor ekonomi, perubahan dasar dan polisi pentadbiran semasa mengubah pandangan mereka kepada Kerajaan Madani daripada negatif kepada positif. Selepas hampir dua tahun kerajaan perpaduan memerintah, mereka mula melihat prestasi-prestasi positif yang dipamerkan oleh kerajaan seperti peningkatan nilai ringgit, perkembangan pasaran saham, kenaikan harga padi, getah dan sawit, kenaikan gaji penjawat awam dan sebagainya. Semua prestasi ini diperhatikan secara objektif oleh rakyat, lalu sedikit demi sedikit mereka mula membina keyakinan semula kepada parti-parti dalam kerajaan perpaduan khususnya PH-BN.

Ini terbukti apabila semua kawasan Daerah Mengundi majoriti Cina yang dimenangi PH dalam PRN 2022 iaitu di Kampung Tengah, Taman Liang Seng, Hj. Manan, Bandar Tengah, Taman Ilham, Taman Kerjasama, Taman Suria dan Indah Jaya berjaya dimenangi BN dalam PRK kali ini apabila PH/AMANAH memberi laluan kepada BN/UMNO untuk perlawanan 2 penjurong antara calon BN/UMNO juga sebagai calon Kerajaan Perpaduan menentang calon PN/BERSATU. Koordinasi antara jentera kempen BN dan PH dalam PRK ini juga berjaya membuahkan hasil dengan kemenangan besar lebih 20,000 undi majoriti. PRK ini juga menggambarkan terserlahnya keluruhan perlembagaan dan Rukun Negara yang menekankan kemajmukan masyarakat dan pentingnya "kesatuan dalam kepelbagaian. Oleh itu, keputusan PRK DUN Mahkota dapat dilihat sebagai manifestasi kepada rakyat mahukan kestabilan dan perpaduan serta berakhirnya Gelombang Hijau PN yang dilihat sebagai ekstremisme, kebencian, pembohongan, maklumat salah dan disinformasi menguasai keadaan.

Faktor kedua adalah identifikasi parti yang kuat. DUN Mahkota yang berada dalam Negeri Johor merupakan negeri kelahiran UMNO. Kesemua kawasan Daerah Mengundi majoriti Orang Melayu dalam DUN Mahkota dimenangi BN/UMNO. Orang Melayu di negeri ini sangat kuat fahaman politik keMelayuan UMNOnya. Mereka menganggap bahawa ideologi perkauman Melayu dapat diperjuang dan dibela hanya melalui UMNO. UMNO juga sudah lama bertapak di negeri ini di samping berpengalaman dalam menyatukan Orang Melayu seterusnya memerintah negeri melalui perkongsian kuasa dengan formula politik permuafakatan dalam BN bersama-sama dengan MCA dan MIC. Jasa dan pengorbanan kepimpinan UMNO

terdahulu dan sekarang dalam memperjuang dan membela hak dan kepentingan Orang Melayu juga terpahat di sanubari pemikiran dan perasaan orang Melayu di negeri ini terutamanya golongan yang berumur. UMNO juga dilihat penyumbang kepada kemerdekaan dan kemajuan atau pembangunan yang dinikmati sekarang. Oleh itu, sumbangan UMNO terhadap pembangunan sosioekonomi dan politik tidak dapat dinafikan lagi dan akan terus diingati dalam lipatan sejarah politik di negeri ini.

Faktor ketiga adalah kesinambungan politik pembangunan. Majoriti pengundi memilih calon atau parti politik yang mengetuai Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang mempunyai dana/kewangan yang kuat dan kuasa bagi menjalankan projek pembangunan. Dengan itu mereka memilih BN/UMNO untuk memimpin mereka di kawasan ini. Wakil rakyat daripada parti kerajaan adalah penting untuk mewakili mereka agar dapat menjadi penghubung kepada kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan. Ia sekali gus dapat merencanakan pelbagai pembangunan di dalam bandar Kluang khususnya dalam di kawasan DUN Mahkota. Oleh itu, wakil rakyat daripada parti pemerintah dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Politik pembangunan penting bagi memastikan isu pembangunan dapat diselesaikan dengan baik, cepat dan efektif agar rakyat atau pengundi di kawasan tersebut dapat menjalankan aktiviti harian dengan selesa dan tenang dan lebih berkualiti. Sebelum hari penamaan calon, jalan utama antara Kluang ke Sembrong telah diturap dengan baik serta lebih luas agar rakyat Kluang dan juga DUN Mahkota dapat bermobilisasi dengan selesa. Pengundi di DUN Mahkota juga bagai menikmati projek pembangunan yang baik dan berterusan jika mereka memilih wakil rakyat yang selaras dengan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Faktor keempat adalah keberkesanan kepimpinan Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi. Penerimaan pengundi di DUN Mahkota terhadap calon BN/UMNO adalah cerminan terhadap penerimaan pengundi terhadap kepimpinan Kerajaan Negeri Johor. Beliau dilihat pemimpin muda yang cergas dan proaktif serta berwawasan dalam usaha memajukan Negeri Johor dibawah kepimpinan beliau sebagai Menteri Besar. Beliau dilihat bersungguh-sungguh dalam memajukan Negeri Johor dan mesra rakyat tidak kira apa jua latar belakang dari segi kaum, jantina, kelas ekonomi dan lokasi.

Faktor kelima adalah tarikan calon BN/UMNO. Calon BN/UMNO iaitu Syed Hussien mempunyai kekuatan dan mempunyai kelebihan. Penampilan beliau sebagai calon yang berkarisma bersama matlamat dan gagasan yang jelas mendapat sokongan majoriti pengundi dalam PRK ini. Secara umumnya calon BN/UMNO ini lebih mudah menembusi kedua-dua kelompok terbesar pemilih Mahkota iaitu pengundi Melayu dan Cina. Latar belakang pendidikan, kerjaya, hieraki dalam parti dan keterlibatan dalam organisasi masyarakat memberi nilai tambah bermakna untuk beliau berinteraksi dengan kedua-dua kelompok tersebut dengan selesa. Kemahiran berbahasa Mandarin dan memahami budaya pergaulan orang Cina turut memberi kelebihan kepada beliau. Pengundi Cina dilihat selesa dengan calon BN kerana kemahiran bertutur dalam bahasa Mandarin.

Faktor keenam adalah jentera kempen. Dari segi jentera, BN mempunyai kelebihan berbanding PN. Jentera kempen daripada pelbagai segmen ini dilantik sebagai PDM 'angkat' kepada segmen yang telah ditetapkan. BN telah melantik jentera parti mengikut beberapa segmen iaitu jentera Cawangan dan Bahagian Kluang; jentera 26 Bahagian di Johor; jentera UMNO Negeri-Negeri; jentera daripada ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO; jentera sayap Pemuda; jentera sayap; jentera sayap sayap Puteri; jentera sayap Wanita, jentera daripada 130 YB-YB UMNO seluruh negara; & jentera PH yang diketuai ahli Parlimen Kluang daripada DAP iaitu YB Wong Shu Qi. Bagi perbezaan dalam strategi kempen yang diguna pakai oleh BN dan PN. Oleh itu, BN memilih pendekatan "penglibatan langsung" atau *engagement* atau terlibat dan *walkabout* secara bersemuka dari hati ke hati dengan pengundi dengan pelbagai kumpulan sasar pengundi, berbanding ceramah, walkabout dan pendekatan podcast yang diambil oleh PN. PN sebahagian besarnya terlibat dengan pengundi Melayu dan menghadapi isu berinteraksi dengan pengundi Cina, dengan kehadiran Gerakan hampir tidak memberi kesan. DAP dan MCA, yang merupakan komponen kerajaan perpaduan, telah berusaha dengan berkesan untuk menarik pengundi Cina dalam kempen Mahkota. Kedua-dua pihak menghadapi isu dalam mengkategorikan pengundi "putih", berdasarkan demografi kawasan itu. Situasi ini banyak mempengaruhi corak kempen apabila majoriti pengundi dirawat dengan mesej hampir sama, tidak terfokus mengikut profil pengundi sasar. BN/UMNO lebih menumpukan kempen secara berkelompok mengikut cawangan dan Daerah Mengundi dengan mengadakan program ekonomi dan program anak/keluarga angkat di setiap rumah sama ada dalam bentuk penganjuran aktiviti/program dan juga sesi memujuk untuk mengundi parti mereka.

Pendekatan serta kaedah kempen yang lebih sesuai dengan elemen-elemen kepelbagaian kaum oleh jentera kempen BN+PH turut memainkan peranan penting bagi memujuk seterusnya mempengaruhi pengundi untuk menyokong calon mereka. BN/UMNO juga mengadakan tidak kurang 12 program sehari iaitu pemimpin bersama pengundi mengikut Pusat Daerah Mengundi (PDM) bagi mempengaruhi pengundi agar mengundi parti mereka dalam PRK ini.

Faktor ketujuh adalah kelemahan PN dari segi calon, jentera, kempen/ceramah, isu dan penceramah. Kelemahan PN dari segi calon agak bergelut untuk mendampingi pengundi Cina, tidak mahir berkomunikasi dengan wartawan, pengetahuan politik yang terbatas iaitu tidak dapat membezakan antara DUN dengan Parlimen, tidak faham soalan yang ditanya dan lemah dalam Bahasa Inggeris. Kelemahan jentera PN pula adalah kurang dibantu PAS di samping jentera GERAKAN yang tidak berkesan, jentera tidak mahir dengan selok belok dengan kawasan tempatan, jentera tidak ramai, agihan kerja tidak sistematik dan tidak menyeluruh di kesemua kawasan Daerah Mengundi. Kelemahan strategi kempen PN pula adalah kurang menggunakan kaedah *engagement* atau mendekati pengundi secara terfokus dan setempat dari rumah ke rumah, ceramah bersifat negatif yang tidak dapat diterima pengundi, tidak menggunakan isu yang berfaedah untuk pengundi dan terlalu bergantung kepada ceramah dan media sosial.

Kelemahan PN dalam terlalu menggunakan isu pula adalah dengan menabur pelbagai fitnah, syak wasangka, negatif, terlalu menghentam dan menghina peribadi pemimpin lawan, tidak membina, tidak rasional, paranoia dan provokasi sentimen 2R untuk mewujudkan situasi emosional kelompok Melayu-Islam yang tidak dapat diterima pengundi DUN Mahkota, tidak menggunakan isu nasional sebaiknya terutamanya isu dasar ekonomi, dan tidak mahir isu setempat. Dari segi kelemahan penceramah PN pula adalah terlalu ekstrim, kasar, manipulasi, memainkan persepsi dan sentimen negatif, provokatif dan negatif pula sebagai contohnya adalah retorik naratif kebencian, pecah belah dan isu tidak benar tidak dapat diterima pengundi seperti Chegu Bard yang menggunakan isu yang tidak benar malahan fitnah seperti isu calon BN yang terlibat dengan jenayah namun dinafikan Ketua Polis Johor; Wan Faisal 'Jargon' dengan cerita yang sukar difahami melalui penggunaan kata jargon laras tinggi yang tidak difahami pengundi dan kata-kata kesat yang tidak disukai pengundi; Annuar Musa yang menggunakan kaedah memburukkan UMNO/BN sedangkan parti tersebutlah yang telah mengkayakan beliau sehingga kini; Azmin Ali dengan fakta yang kurang tepat dan *denial syndrom* iaitu menafikan kelemahan pemimpin dan parti beliau; dan akhirnya Tan Sri Muhyiddin sendiri yang terlalu jujur mengaku bahawa beliau menyalurkan dana negara ke dalam parti beliau. Pendekatan ceramah kelima-lima orang pemimpin PN tidak dapat diterima pengundi dalam PRK DUN Mahkota sekali gus menyebabkan PN tewas dengan teruk dalam PRK tersebut.

Dari segi pola pengundian pula, Gabungan Madani melalui BN/UMNO memenangi pilihan raya kecil (PRK) Mahkota dengan kemenangan besar, dengan BN mengutip hampir 28,000 undi dan menang di semua 20 daerah mengundi (termasuk undi pos dan undi awal) dan 121 saluran mengundi. BN/UMNO menang di kesemua kawasan Daerah Mengundi termasuk undi pos dan undi awal (Lihat Jadual 1). Keputusan tersebut juga menunjukkan bahawa parti gabungan Madani berjaya mempengaruhi sebilangan pengundi Melayu PN pada pilihan raya umum (PRU) ke-15 untuk mengalihkan undi. Bagaimanapun, kemenangan itu berlatarbelakangkan peratusan keluar mengundi yang rendah iaitu hanya 54 peratus dan turut menyaksikan penurunan ketara dalam sokongan pengundi Cina. Secara keseluruhannya, BN/UMNO menang besar di semua saluran mengundi, semua Daerah Mengundi, semua daerah mengundi semua kaum, undi pos (penjawat awam seperti guru dan staf pejabat kerajaan), undi awal (tentera dan polis), undi orang tua, undi orang muda 18-20 tahun, undi belia, undi dewasa dan undi bandar dan luar bandar.

Jadual 1. Keputusan PRK DUN Mahkota 2024 mengikut kawasan daerah/pusat mengundi

Bil	Daerah/ Pusat Mengundi	Melayu (%)	Cina (%)	India (%)	BN/ UMNO	PN/ BERSATU	Majoriti
1.	Undi Pos	-	-	-	431 undi	110 undi	BN - 321 undi
2.	Undi Awal	-	-	-	3,119 undi	1,088 undi	BN - 2,031 undi
3.	Padang Tembak	73.94	9.54	15.30	560 undi	135 undi	BN - 425 undi
4.	Kampung Melayu Timor II	70.48	27.38	1.26	2,831 undi	859 undi	BN - 1,972 undi
5.	Kampung Tengah	38.38	54.26	6.69	1,047 undi	231 undi	BN - 816 undi
6.	Kampung Melayu I	95.92	2.69	0.63	1,232 undi	475 undi	BN - 757 undi
7.	Kampung Melayu II	92.14	4.65	2.28	682 undi	274 undi	BN - 408 undi
8.	Taman Lian Seng	25.40	63.50	10.37	1,680 undi	281 undi	BN - 1,399 undi
9.	Haji Manan	16.07	75.17	8.28	497 undi	67 undi	BN - 430 undi
10.	Mesjid Lama	87.04	10.42	1.69	461 undi	143 undi	BN - 318 undi
11.	Bandar Tengah	12.31	81.15	6.33	1,212 undi	123 undi	BN - 1,089 undi
12.	Taman Ilham	43.26	50.58	5.35	1,407 undi	265 undi	BN - 1,142 undi
13.	Dorset	70.23	15.85	4.76	3,159 undi	1,040 undi	BN - 2,119 undi
14.	Taman Berlian	58.55	31.71	8.99	811 undi	221 undi	BN - 590 undi
15.	Jalan Hospital	79.46	6.47	10.04	316 undi	130 undi	BN - 186 undi
16.	Taman Kerjasama	27.95	56.70	14.74	750 undi	136 undi	BN - 614 undi
17.	Kampung Baru	93.21	2.80	2.72	1,681 undi	402 undi	BN - 1,279 undi
18.	Taman Suria	36.49	49.96	12.77	2,551 undi	548 undi	BN - 2,003 undi
19.	Indah Jaya	32.84	59.53	6.89	1,683 undi	327 undi	BN - 1,356 undi
20.	Sri Tengah	66.85	19.43	12.67	1,831 undi	477 undi	BN - 1,354 undi
	Jumlah	57.03	33.63	6.69	27,995 undi	7,347 undi	BN - 20,648 undi

Sumber: SPR (2024)

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, PRK DUN Mahkota memperlihatkan pengundi di kawasan tersebut mengutamakan politik nilai dalam membuat pilihan politik mereka. Mereka mengutamakan perpaduan kaum, kestabilan dan keharmonian politik, kesinambungan politik pembangunan di samping kredibiliti, pengalaman serta calon yang lebih dikenali berbanding sentimen perkauman dan keagamaan yang ekstrim. Kerjasama politik PH dan BN melalui Kerajaan Perpaduan semakin serasi melalui PRK DUN Mahkota apabila PH berjaya memobilisasi hampir 80 peratus pengundinya dalam PRN 2022 kepada calon BN/UMNO dalam PRK DUN Mahkota 2024 dengan peningkatan majoriti undi daripada 5,166 undi kepada 20,648 undi. Meskipun pengundi DUN Mahkota disajikan dengan isu perkauman dan keagamaan yang ekstrim dalam kempen oleh penceramah PN namun majoriti pengundi memilih politik nilai dan politik pembangunan dalam pilihan politik mereka. Keyakinan pengundi di DUN Mahkota terhadap BN/UMNO juga disumbangkan oleh pengalaman dan kebijaksanaan jentera kempen UMNO, BN dan PH yang bersistematik, berfokus, bersungguh-sungguh dan berdisiplin dalam usaha memujuk rayu pengundi di Mahkota agar mengundi calon Kerajaan Perpaduan. Pendekatan mendekati pengundi secara 'berkampung' serta 'politik kasih-sayang' oleh jentera kempen BN dan PH berjaya memujuk pengundi di DUN Mahkota untuk menyokong calon Kerajaan Perpaduan berbanding pendekatan politik negatif, menghina dan menyerang oleh PN yang tidak diterima oleh pengundi di kawasan tersebut. Oleh itu, pengundi di DUN Mahkota dilihat rasional dan realistik dalam membuat keputusan politik mereka bagi memastikan pembangunan fizikal dan kestabilan politik dapat diteruskan sehingga tamat penggal lima tahun menuju PRU akan datang.

Penghargaan: Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dalam penyelidikan ini.

Konflik Kepentingan: Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Campbell, A. (1954). *The voter decides*. Evanston., Row, Peterson.
- Cyllah, A. (2014). *Elections worth dying for?: A selection of case studies from Africa*. International Foundation for Electoral Systems.
- Ghazali, A. S. (2009). *Geografi pilihan raya Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya.
- Harrop, M. & L. Miller, W. (1987). *Elections and voters*. Red Globe Press.
- M. Y & Ahmad, A.. (2002). *Politik baru dalam pilihan raya umum*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mayudin, G. (2008). *Teori sains politik pilihan: Aplikasinya dalam konteks Malaysia*. (Ulang cetak). Jabatan Sains Politik. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Md Amin, N. A.. (2024). Kluang bakal jadi hab logistik Johor. *Bharian Online*. 24 September. <https://www.sinarharian.com.my/article/687329/edisi/johor/kluang-bakal-jadi-hab-logistik-johor>. [29 September 2024].
- Rahman, A. Rashid. (1994). *Penjalanan pilihan raya Malaysia*. Berita Publishing.
- SPR. (2004). *Laporan pilihan raya umum Malaysia 2004*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- SPR. (2008). *Laporan pilihan raya umum ke-12 2008*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- SPR. (2013). *Laporan pilihan raya umum ke-13 2013*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- SPR. (2018). *Laporan pilihan raya umum Ke-14, 2018*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- SPR. (2022). *Dashboard keputusan PRN Johor 2022*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- SPR. (2024). *Dashboard keputusan PRK DUN Mahkota 2024*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.